



## SIARAN AKHBAR

### PENIPUAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN *LAND BANKING*

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati bahawa sebuah syarikat yang tidak berdaftar di Negara Brunei Darussalam ini telah menghubungi orang ramai dan menawarkan peluang-peluang pelaburan dalam hartanah asing.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut. Diantara tanda-tanda yang menunjukkan skim atau transaksi kewangan tersebut berkemungkinan tidak sah, adalah jika ianya menggunakan taktik tekanan, atau melibatkan dokumen-dokumen yang meragukan.
3. AMBD ingin sekali lagi mengingatkan bahawa pengguna kewangan yang ingin melibatkan diri dalam skim-skim pelaburan yang tidak dilesenkan oleh AMBD, pengguna kewangan tersebut tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD, terutama sekali jika skim pelaburan tersebut beroperasi dari luar negara. Rangkakerja penyeliaan AMBD adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur dengan memastikan hanya institusi/individu yang berkelayakan boleh memberikan perkhidmatan kewangan kepada orang ramai.
4. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan : AMBD/COMMS/3/2016

Tarikh: 25 Muharram 1438/ 26 Oktober 2016